

02 OCT 2001

MAHATHIR-AFTA

KAJI SEMULA AFTA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Emillia Rosnizar A. Hanipiah

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad berkata, Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) perlu dikaji semula kerana beberapa negara anggota mungkin tidak mampu membenarkan kemasukan produk-produk berdaya saing dari negara-negara jiran.

Katanya, negara-negara anggota harus melihatnya dengan fikiran terbuka dan tarik pelaksanaan untuk membuka pasaran bagi beberapa sektor tertentu patut ditangguhkan.

"Beberapa negara mungkin tidak mampu membenarkan kemasukan produk-produk berdaya saing dari negara-negara jiran," katanya dalam wawancara dengan empat wartawan Asean dalam rancangan "In Conversation" yang disiarkan melalui TV3 malam ini.

Dalam rancangan tersebut, Dr Mahathir mengemukakan pelbagai persoalan mengenai Asean, termasuk yang menyentuh bidang ekonomi, politik, keselamatan dan antarabangsa.

Perdana Menteri menyarankan supaya negara-negara Asean tidak mengikat diri mereka kepada sesuatu perjanjian "sehingga kita menjadi tidak berdaya dan terpaksa mematuhi kata-kata yang tertera di atas sekeping kertas walaupun mengetahui ia akan merosakkan kita."

"Jadi, biarlah kita berfikiran terbuka tentang perkara ini," tambahnya.

Dalam beberapa kes, katanya, Malaysia telah mencadangkan supaya pasaran serantau tunggal AFTA, yang dijangka bermula pada tahun 2003, ditangguhkan bagi beberapa sektor seperti industri kereta.

Katanya, ASEAN telah menetapkan bahawa jika sebuah kereta itu hanya mempunyai 40 peratus kandungan tempatan, ia layak dikira sebagai bukan produk negara dan dengan demikian, boleh memasuki mana-mana pasaran ASEAN yang lain.

Tetapi, dalam kes Malaysia, Dr Mahathir berkata kereta nasional mempunyai 90 peratus kandungan tempatan dan dengan demikian "kami mahukan sedikit perlindungan untuk kami sendiri."

Industri kereta Malaysia agak kecil dengan pengeluaran 300,000 unit setahun dan kerana itu sukar bagi negara ini bersaing dengan syarikat-syarikat kereta besar yang dengan mudah mengeluarkan 10 juta kereta setahun.

Kedadaan ini menjadi lebih meruncing apabila syarikat-syarikat gergasi kereta dari Amerika, Eropah dan Jepun menggabungkan operasi mereka untuk mewujudkan gergasi-gergasi yang lebih besar, yang boleh memanfaatkan ekonomi bidangan dan ini membahayakan industri kereta tempatan.

Dr Mahathir berkata globalisasi juga sepatutnya ditakrifkan semula supaya negara-negara miskin dilindungi.

Semasa krisis kewangan 1997, beliau berkata para pelabur portfolio telah menarik modal mereka daripada ekonomi serantau yang menyebabkan masing-masing jatuh bersama-sama.

"Kita merupakan harimau ekonomi sebelum ini (tetapi) kini, kucing pun bukan," kata beliau.

Ditanya mengenai pasaran terbuka dan bagaimana globalisasi akan memberi faedah kepada Asean, Dr Mahathir berkata "kita perlu mempunyai beberapa peraturan tetapi mereka (negara-negara maju) menyarankan kepada pembatalan kawal selia keseluruhan dengan mendakwa bahawa pasaran akan mengawal sendiri dan mendisiplin kerajaan.

Beliau juga berkata negara-negara maju menyatakan bahawa "pasaran adalah semata-mata untuk membuat keuntungan."

"Mereka tidak berminat dalam kerja-kerja sosial, jadi kita tidak boleh begitu kerana kita perlu mengadakan peraturan bagi pasaran," katanya semasa merujuk kepada perlunya mengadakan peraturan.

Beliau berkata negara-negara membangun mengalu-alukan pelaburan asing termasuk pelaburan modal tetapi negara-negara maju tidak sepatutnya dibenarkan menarik diri.

Oleh itu, beliau berkata perlu ada sesuatu peraturan terhadap penarikan mengejut dana pelaburan, satu langkah yang boleh menghalang pasaran saham daripada runtuh seperti mana yang berlaku dalam tahun 1997.

"Sekiranya terdapat peraturan sedemikian, Malaysia tidak akan rugi jika mereka menarik diri secara mendadak. Kita harus mempunyai peraturan setara dengan tahap pembangunan negara-negara maju," kata Dr Mahathir.

Mengenai sama ada Malaysia telah mengwujudkan "langkah keselamatan" untuk melindungi pasarannya, beliau berkata: "Kita cuba bergantung kepada keupayaan kita untuk mengawal pasaran kita. Buat masa ini kita belum betul-betul terbuka sepenuhnya tetapi kita juga adalah antara ekonomi yang paling terbuka di dunia kerana dagangan kita merupakan 200 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar."

Beliau berkata jumlah dagangan Malaysia adalah sebanyak AS\$200 bilion setahun.

"Kita mahu dagangan dari negara-negara ini (maju) tetapi pada masa yang sama kita memerlukan perlindungan dalam bidang-bidang tertentu," tambah beliau.

Ditanya mengenai halangan terbesar bagi Malaysia, Dr Mahathir merujuk kepada amalan dagangan yang tidak adil oleh negara-negara maju di mana mereka tidak bersikap adil dalam membuka pasaran mereka.

Sambil berkata bahawa negara-negara maju "tidak bercakap benar", perdana menteri memberikan contoh bagaimana sesetengah negara Eropah telah memberi subsidi kepada peladang mereka yang tidak cekap yang telah mengeluarkan produk pada kos yang tinggi untuk menghalang eksport yang lebih murah dari menembusi pasaran mereka.

Beliau mendakwa yang Argentina jatuh miskin meskipun mempunyai daging yang lebih murah untuk dijual ke Eropah kerana penternak-penternak daging di Eropah diberi subsidi.

Oleh itu, beliau berkata retorik mereka bahawa "yang cekap akan bertahan dan yang kurang cekap akan lenyap" tidak berasas.

Negara-negara membangun, katanya, harus berdiri dan bersuara mengenai hak mereka dengan melakukan apa yang betul bagi ekonomi masing-masing.

Dr Mahathir berkata sikap diskriminasi menghalang negara-negara membangun seperti Malaysia daripada menembusi pasaran di negara-negara maju.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai kes-kes diskriminasi yang diamalkan oleh negara-negara maju, katanya, Malaysia telah dituduh menyelamatkan syarikat-syarikat apabila kerajaan membantu entiti strategik yang bermasalah kewangan seperti Penerbangan Malaysia yang terjejas oleh kemelesetan global selepas serangan matawang tahun 1997.

Tetapi kini, Dr Mahathir berkata negara-negara maju yang telah menuduh Malaysia sedemikianlah yang telah membelanjakan berbilion-bilion dolar untuk menyelamatkan syarikat penerbangan mereka. -- BERNAMA

ER MR SHY NHD